

Peremajaan Semula UMNO Pasca PRU-14, 2018-2022

UMNO Rejuvenation After the 14th General Election, 2018-2022

Sofia Shahida Badrul Hisham
¹Muhamad Nadzri Mohamed Noor

Program Sains Politik
Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mel: ¹nadzri@ukm.edu.my

ABSTRAK

Peremajaan semula UMNO pasca PRU-14 adalah kajian dalam meneroka survival perjuangan parti UMNO bagi meraih undi generasi muda membina imej baru terhadap parti ketuanan Melayu ini seterusnya kekal relevan dalam arena politik Malaysia. Kekalahan kerajaan Barisan Nasional yang didominasi oleh UMNO buat pertama kali pada PRU-14 yang lalu menunjukkan bahawa UMNO kurang relevan bagi generasi muda pada waktu itu kerana mereka merasakan parti tersebut tidak memberi peluang kepada golongan muda untuk memimpin dan mengadakan pemikiran semula atau pemikiran baru selaras dengan ideologi konservatisme yang menjadi pegangan parti tersebut. Kajian ini juga adalah bagi mengkritik budaya politik UMNO dalam membawa kepada perubahan. Peremajaan semula UMNO bukanlah bermakna generasi muda dalam parti berasaskan kaum Melayu ini harus diberi jawatan semata-mata, tetapi ia merupakan satu usaha bagi UMNO untuk berubah demi survival parti. Kaedah kualitatif yang digunakan merangkumi kajian kepustakaan dan menggunakan dua sumber utama sepanjang penulisan yang melibatkan sumber primer dan sumber sekunder secara atas talian seperti kaedah temu bual. Kepentingan kajian ini dilakukan adalah untuk menambahkan lagi kajian terhadap peremajaan semula UMNO pascaPRU-14 terutamanya dalam isu mengenai kepimpinan parti berdasarkan konsep dan teori yang dirujuk. Hasil kajian amat penting dalam usaha untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat khususnya golongan muda terhadap kewujudan UMNOSISWA dan perubahan yang ingin di bawa serta perjuangan dalam meremajakan semula UMNO pasca PRU-14.

Kata kunci: Pilihan Raya Umum Ke-14, UMNO, peremajaan semula, perubahan politik, Konservatisme

ABSTRACT

The rejuvenation of UMNO after GE-14 is a study in determining the survival of the UMNO party's struggle in winning the votes of the younger generation to build a new image of the Malay supremacist party and remain relevant in the Malaysian political arena. The defeat of the UMNO-dominated Barisan Nasional government for the first time in the last GE-14 showed that UMNO was less relevant for the younger generation at that time because they felt that the party did not give their young voters the opportunity to lead and rejuvenate the party align with the party's ideology of conservatism. This study is also to criticize UMNO's political culture in leading to change. The rejuvenation of UMNO does not mean that the younger generation in

this Malay-based party should be given positions alone, but it is an effort for UMNO to change for the survival of the party. Qualitative methods used include library research throughout the writing involving primary and secondary sources online especially the interview method. The importance of this study is to add more research on the rejuvenation of UMNO after GE-14, especially in the issue of party leadership based on the concepts and theories referred to. The results of the study are very important in an effort to provide exposure to the community, especially the young, to the existence of UMNO and the changes they want to bring as well as the struggle in rejuvenating UMNO after GE-14.

Keywords: 14th General Election, UMNO, political rejuvenation, political change, Conservatism

1. Pengenalan

Kajian mengenai peremajaan semula UMNO pasca PRU-14 adalah kajian dalam meneroka *survival* perjuangan parti UMNO dalam meraih undi generasi muda untuk membina imej baru terhadap parti ketuanan Melayu ini seterusnya kekal relevan dalam arena politik Malaysia. Kajian ini juga adalah bagi mengkritik budaya politik UMNO dalam membawa kepada perubahan. Peremajaan semula UMNO bukanlah bermakna generasi muda dalam parti keramat kaum Melayu ini harus diberi jawatan semata-mata, tetapi ia merupakan satu usaha bagi UMNO untuk berubah demi kepentingan parti. Kekalahan kerajaan Barisan Nasional yang didominasi oleh UMNO buat pertama kali pada PRU-14 yang lalu menunjukkan bahawa UMNO sudah kurang relevan bagi generasi muda pada waktu itu kerana mereka merasakan parti tersebut tidak memberi peluang kepada golongan muda untuk memimpin dan mengadakan pemikiran semula atau pemikiran baru selaras dengan ideologi konservatisme yang menjadi pegangan parti tersebut. Konservatisme yang dibawa oleh UMNO mempromosikan institusi sosial tradisional dalam konteks budaya dan pemerintahan yang takut akan perubahan. Melihat kepada spektrum politik khususnya dengan mendalami perbincangan mengenai gerakan nasionalisme Tanah Melayu yang melihatkan aliran “kanan” menguasai politik dominan pemerintahan kerajaan Perikatan/ Barisan Nasional yang ditunjangi UMNO (Takiyuddin, 2011).

UMNO telah ditubuhkan secara rasmi pada 11 Mei 1946 oleh orang Melayu yang dipimpin oleh pemimpin ulung Melayu iaitu Dato’ Onn Jaafar (Ahmad Atory Hussain, 1993). Penubuhan UMNO ini adalah bertujuan untuk menentang Malayan Union yang dibawa oleh British. British ternyata terkejut dengan semangat yang ada dalam kalangan orang Melayu kerana mempunyai semangat yang tinggi walaupun berada dalam kesusahan dan tidak mempunyai pendidikan serta kedudukan yang baik, namun mampu memperoleh semangat perjuangan dalam menentang Malayan Union. UMNO pada masa itu berjaya diletakkan sebagai *platform* utama dalam menyatakan usaha untuk menuntut kemerdekaan di Tanah Melayu. Pembentukan UMNO ini dilihat sebagai sebuah penerimaan sebulat suara terhadap perjuangan yang membawa kepada penggunaan slogan “Hidup Melayu”. Jelas sekali dapat dilihat bahawa penubuhan UMNO ini adalah hasil penyatuan daripada orang Melayu untuk menolak Malayan Union sehinggakan mewujudkan sebuah persidangan bersama dengan 41 pertubuhan persatuan Melayu yang akhirnya membawa kepada penubuhan UMNO.

UMNO melalui perlembagaan yang dipersetujui pada 1949 dengan jelas menerangkan mengenai matlamat penubuhan parti yang terbahagi kepada empat fasal yang utama iaitu yang pertama, untuk mewujudkan dan memelihara satu pertubuhan politik yang cekap. Keduanya ialah berusaha dalam menubuhkan sebuah negara berdaulat yang merdeka. Ketiganya, untuk meningkatkan kemajuan rakyat dalam bidang politik, sosial, budaya dan ekonomi dan fasal

yang terakhir sekali ialah untuk mengekalkan kecemerlangan agama Islam (Ahmad Atory Hussain, 1993). Perjuangan utama UMNO adalah untuk memerdekakan Tanah dan UMNO perlu mewujudkan perpaduan yang utuh dalam usaha untuk mencapai kemerdekaan. Dato' Onn meletakkan jawatan beliau sebagai Presiden UMNO dan beliau digantikan oleh Tunku Abdul Rahman yang meneruskan usaha mencapai kemerdekaan bersama dengan masyarakat bukan Melayu yang lain seperti Tun V.T. Sambathan dan Tun Tan Cheng Lock. Jasa yang perlu dikenang yang disumbangkan oleh Dato' Onn Jaafar adalah melalui usaha beliau dalam menyatupadukan bangsa Melayu pada saat genting dan kritikal dalam tahun 1946 hingga 1947. Hasil perjuangan beliau inilah yang menyebabkan orang Melayu memberikan gelaran kepada beliau sebagai "Bapa Perjuangan Bangsa Melayu", pelopor bangsa Melayu dan pengasas UMNO yang dikenang sepanjang zaman.

Penyertaan generasi muda yang merangkumi belia, mahasiswa dan pelajar dalam arena politik semakin meningkat sejak kebelakangan ini. Gerakan generasi muda yang ingin diberikan ruang atau pintu kepada mereka dalam membina imej baru parti harus diberi perhatian kerana generasi muda inilah yang bakal mencorak masa depan parti politik untuk membina imej baru seterusnya mengangkat martabat parti. Peremajaan semula UMNO bukan bermaksud membawa UMNO yang baharu, sebaliknya 'membaharukan' semula sikap kepimpinan dan pemikiran atau ideologi yang takut akan perubahan. Peremajaan semula atau pembaharuan yang dimaksudkan ini bukanlah bertujuan untuk membunuh parti atau mencari parti lain mengambil alih kekuasaan dan kewibawaan yang ada pada UMNO, tetapi, penyesuaian kepada UMNO dalam usahanya ke arah pembaharuan parti keramat bagi tujuan pemulihan pengaruhnya dan galakan kepada generasi muda menyertainya.

Sikap pengubahsuaian dan pembaharuan ini amat penting, khususnya ketika UMNO yang pada hari ini kurang dirasakan oleh rakyat terutamanya orang Melayu sebagai milik mereka. Kepimpinan UMNO pada hari ini amat berbeza jika dibandingkan dengan UMNO yang dahulu. Hal ini adalah kerana, kepimpinan UMNO pada awal penubuhannya sehinggalah ke tahun 1980-an, dipimpin oleh golongan yang dihormati dan disegani di peringkat kampung seperti imam, guru agama, penghulu dan guru-guru Melayu yang sangat berkredibiliti dan integriti. Keadaan kepimpinan UMNO pada hari ini amat berbeza apabila kebanyakan pemimpin-pemimpin parti tersebut dipimpin oleh para kontraktor dan ahli perniagaan yang hanya memberi keutamaan yang lebih kepada kuasa dan harta daripada mengekalkan pengaruh parti.

2. Sorotan Kesusasteraan

Sorotan literatur dilaksanakan dengan beberapa penemuan yang telah diperolehi melalui beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan sebarang perkembangan atau perubahan yang membabitkan UMNO dan tajuk kajian. Walaubagaimanapun, terdapat kajian yang tidak begitu menepati perspektif kajian pengkaji sepenuhnya kerana perbezaan ruang lingkup kajian dan kajian ini dirasakan masih lagi baharu. Oleh itu, dalam memperluaskan lagi kajian ini, pengkaji akan menyelit beberapa kajian-kajian lepas yang paling hampir sama dengan kajian ini.

Zakry Abadi (1984) dalam penulisaannya, *UMNO: Jalan Seribu Liku* telah membincang dan menghuraikan mengenai UMNO dan perjuangan yang dibawa oleh parti ini. Beliau turut memberikan maklumat berkaitan dengan kepimpinan tertinggi UMNO dan sumbangan yang diberikan oleh pemimpin-pemimpin parti ketuanan Melayu tersebut. Beliau juga menyentuh mengenai perkembangan Pergerakan Pemuda UMNO dalam penulisannya walaupun banyak menfokuskan pada era Anwar Ibrahim walaupun tidak mengupas lebih lanjut mengenai sumbangan golongan muda itu semasa zaman Anwar Ibrahim.

Penghasilan buku *Umno Dalam Politik Dan Perniagaan Melayu* oleh Jamaie Haji Hamil (2018), merupakan himpunan idea mengenai peranan UMNO yang melibatkan

kepemimpinan elit Melayu dalam bidang perniagaan dan tanggungjawab yang harus dimainkan oleh mereka dalam meningkatkan sosio-ekonomi orang Melayu. Menerusi buku ini, Jamaie Haji Hamil, membincang serta membahaskan tentang latar belakang sosio-politik dan ekonomi Melayu sebelum Dasar Ekonomi Baru (DEB) dari tahun 1900 sehingga 1969, falsafah pembentukan beberapa dasar kerajaan yang menekankan kepentingan masyarakat Melayu, kewujudan UMNO terhadap perniagaan dan kepentingan masyarakat Melayu sehingga tahun 1990-an dan implikasi terhadap sistem sosio-politik Melayu. Melalui kepemimpinan UMNO bermula era Tun Abdul Razak, beberapa langkah telah diperkenalkan untuk mengatasi kemunduran berkenaan. Inisiatif seperti Kongres Ekonomi Bumiputera I dan II, Dasar Ekonomi Baru (DEB), MARA, PERNAS serta UDA dilancarkan bagi membantu orang Melayu supaya terlibat dalam sektor perekonomian khususnya bidang perniagaan. Institusi ini ditubuhkan bagi memastikan kepentingan bumiputera dipelihara dengan menyediakan pelbagai kemudahan, insentif dan bantuan yang diperlukan. Dalam masa yang sama, UMNO turut bertindak sebagai pemangkin dalam mempercepatkan penglibatan organisasi orang Melayu dalam perniagaan bagi membentuk pensyarikatan korporat.

Namun, apabila pemegang amanah korporat (*nominess & proxy*) UMNO ini turut terlibat dalam perniagaan, situasi ini sekaligus telah berubah kepada kepentingan politik semata-mata. Kepentingan ekonomi juga dimanipulasikan. Situasi ini semakin sukar dihapuskan ekoran orang Melayu yang dibantu oleh UMNO telah menjadi jutawan atau ahli korporat yang berjaya. Mereka terus bergantung pada elit politik tersebut bagi memastikan *survival* perniagaan mereka terjamin. Sementara itu, elit politik pula bergantung kepada elit ekonomi berkenaan untuk terus mengukuhkan kekuasaan bagi orang Melayu untuk mengumpul kekayaan. Pada pemikiran mereka, untuk menjadi kaya adalah dengan menggunakan jalan singkat iaitu bertanding pada pilihan raya dan harus dipilih sebagai seorang ahli politik atau pemimpin rakyat atau masyarakat. Jawatan dalam hierarki UMNO bukan lagi jawatan sukarela seperti dahulunya, ianya tetapi menjadi rebutan kepada semua peringkat. Amalan kronisme dan nepotisme dibenarkan berlaku ketika pentadbiran UMNO. Politik wang juga berlanjutan dalam setiap situasi. Krisis dalaman dan luaran juga bertukar ganti dan perpecahan perpaduan Melayu adalah berpunca dari gejala tindakan aktor politik dalam kepemimpinan UMNO.

Kajian jurnal yang dijalankan oleh Jamaie Haji Hamil (2000) yang bertajuk *Kepimpinan Politik: Pola Kepimpinan Politik UMNO* menyentuh mengenai dinamisme pola kepemimpinan politik Melayu di dalam UMNO. Penulisan ini turut menyentuh mengenai pola kepemimpinan dari era Tunku Abdul Rahman sehingga ke pemerintahan Tun Dr Mahathir Mohamad. Penulisan yang dihasilkan ini juga turut memberi pendedahan mengenai perbezaan kepemimpinan UMNO dari era Tunku Abdul Rahman sehingga Tun Dr Mahathir Mohamad. Transformasi yang dijalankan dalam pentadbiran tokoh-tokoh ini juga turut dikupas dan memberikan gambaran yang jelas kepada pengkaji dalam membincangkan kepemimpinan UMNO di Malaysia.

Kajian yang dijalankan oleh Noor Sulastry dan Nor Azila (2013), iaitu *Transisi Kontra Hegemoni dalam Budaya Politik Malaysia*, mengkaji dan membincangkan tentang budaya politik Melayu yang telah mengalami perubahan daripada hegemoni kepada kontra hegemoni (Zawiyah Mohd Zain, 2021). Menerusi penulisan tersebut, tragedi 13 Mei 1969 telah meningkatkan penguasaan UMNO dalam sosiopolitik Malaysia sehingga mewujudkan hegemoni politik apabila minoriti elit pemerintah mendominasi politik, ekonomi, mengawal mobiliti massa dan memberikan pengaruh terhadap media. Namun yang demikian, hasil penulisan ini mendapati bahawa konsep hegemoni telah mengalami perubahan pada zaman Abdullah Badawi apabila masyarakat mula memperlihatkan tindakan kontra hegemoni yang membutakan rakyat semakin berani menyuarakan pendapat secara terbuka terutama menerusi ruang siber.

Kajian tesis yang ditulis oleh Mohd Ashraf bin Mohd Azmi (2016), bertajuk , telah menerangkan secara sepintas lalu mengenai latar belakang sejarah Pemuda UMNO dan menjadikan Khairy Jamaluddin sebagai tokoh golongan muda dalam kajian tesis tersebut. Menerusi penulisan tersebut, ia telah memberikan gambaran mengenai strategi yang digunakan Khairy Jamaluddin dalam memantapkan Pemuda UMNO serta menyentuh mengenai pengaruh Khairy Jamaluddin dalam kepimpinan UMNO sewaktu beliau menjadi Ketua Pemuda UMNO Malaysia. Namun, penulisan tesis ini tidak melihat secara holistik atau keseluruhan kepimpinan golongan muda dan golongan tradisional kerana tiada perbandingan antara kepimpinan Khairy Jamaluddin dan kepimpinan terdahulu dalam usaha untuk menunjukkan perubahan yang dialami oleh UMNO.

Pengaruh Nasionalisme Melayu Mewarnai Budaya Politik Melayu dalam UMNO yang ditulis oleh Mohd Faiz Mohd Zain, Jamaie Hamil, Mohd Rizal Mohd Yaakob dan Mohamad Rodzi Abd Razak (2011), membincangkan mengenai budaya politik Melayu dalam UMNO yang dipelopori oleh ideologi politik nasionalisme atau semangat kebangsaan. Ideologi kebangsaan tersebut dibahagikan kepada tiga tahap, iaitu pertama sebelum 1946. Pada tahap ini gerakan politik orang Melayu dikatakan sebagai nasionalisme haluan kiri yang dipelopori oleh Kesatuan Melayu Muda (KMM). Kedua, nasionalisme Melayu 1946 sehingga merdeka. Pada tahap ini Orang Melayu bersatu padu dan bangkit menentang penubuhan Malayan Union pada tahun 1946 dan juga menuntut kemerdekaan dari British. Senario ini juga telah membawa kepada penubuhan UMNO pada 11 Mei 1946. Ketiga, krisis UMNO 1987, iaitu wujud perpecahan dalam asas nasionalisme Melayu akibat daripada pertandingan merebut jawatan Presiden UMNO antara Dr. Mahathir dan Tengku Razaleigh Hamzah (Zawiyah Mohd Zain, 2021).

Menerusi penulisan Mohd Sayuti Omar yang bertajuk, *Siapa Ketua Pemuda UMNO ke-10?*, telah memperlihatkan dan menerangkan secara terperinci mengenai kronologi dan ideologi Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia. Penulisan ini juga menyentuh mengenai Pemuda UMNO tahun 2020 yang bakal mengalami perubahan hasil daripada arus pemodenan yang berlaku di Malaysia. Selain itu, ia juga memberikan gambaran kepada krisis yang berlaku dalam UMNO dan turut menyentuh mengenai kepimpinan Pemuda UMNO. Walaubagaimanapun, tulisan ini dilihat kurang jelas dari segi krisis yang berlaku kerana beliau memberikan penekanan terhadap ramai tokoh dalam krisis yang berlaku.

3. Metodologi

Penggunaan metodologi kajian adalah merupakan satu kemestian yang tidak boleh dielak kerana hasil kajian yang telah dilakukan adalah merupakan sebuah hujah atau pernyataan yang boleh digunakan. Metodologi penyelidikan memberikan penekanan untuk memenuhi objektif yang telah digariskan oleh pengkaji. Kaedah kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang merangkumi kajian kepustakaan atau *library research*. Pengkaji akan menggunakan dua sumber utama sepanjang penulisan yang melibatkan sumber primer dan sumber sekunder. Sumber sekunder yang digunakan dalam penyelidikan terdiri daripada jurnal-jurnal akademik, surat khabar, fail, rekod, laporan, minit mesyuarat, buku yang berautoriti dan beberapa artikel yang berkaitan dengan tajuk kajian secara atas talian. Penulis juga akan mengumpulkan maklumat yang berkaitan dengan UMNO melalui proses pencarian melalui jurnal, artikel, kertas kerja, buku di perpustakaan pusat pengajian tinggi seperti Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Perpustakaan UMNO, Putra World Trade Centre, Kuala Lumpur.

4. Dapatan dan Perbincangan

Pada bahagian ini akan memfokuskan berkenaan hasil dapatan dan perbincangan bagi kajian Peremajaan semula UMNO Pasca PRU-14. Menerusi kajian ini, pengkaji memberi tumpuan kepada teori perubahan politik yang perlu dihubungkan dengan budaya politik UMNO secara realitinya supaya pengkaji dapat membuat pemerhatian yang menyeluruh dalam memberi penjelasan terhadap hujah perbahasan dalam kajian ini. Perubahan politik dalam kajian ini dikaitkan dengan budaya politik dalam kepimpinan UMNO, iaitu sikap, kepercayaan, emosi, nilai, penerimaan dan tindakan yang diambil terhadap sistem politik yang difokuskan kepada aspek pemerintahan dan kepimpinan parti dalam meremajakan semula UMNO yang baharu agar kekal relevan dalam landskap politik tanah air seterusnya mengembalikan kepercayaan kaum Melayu dan golongan muda terhadap UMNO. Dalam kalangan komuniti Melayu, UMNO yang berpegang teguh kepada prinsip menjaga kepentingan Melayu, memperlihatkan imej parti itu sebagai parti Melayu paling dominan dalam politik Malaysia (Ilyas Abdullah, 2021). Penguasaan sebahagian besar veteran politik dalam UMNO juga meletakkan parti itu terus-menerus berada pada takuk yang lama yang menyebabkan penolakan orang Melayu khususnya golongan muda terhadap UMNO. UMNO perlu berjiwa besar untuk melakukan perubahan secara holistik di samping kepimpinan UMNO perlu mengikis jiwa penaung yang terlalu hagemonik, sehingga langsung tidak boleh menerima teguran daripada akar umno selain daripada memberi ruang dan peluang kepada kepimpinan muda ataupun baharu (Ilyas Abdullah, 2021). Justeru, bagi mengembalikan semula sokongan Melayu dan anak muda terhadap UMNO, parti tersebut perlu melakukan orientasi politik atau peremajaan semula parti.

Pilihan Raya Umum Ke-14 pada 2018 yang lalu telah menyaksikan kejatuhan kerajaan UMNO/ BN setelah 61 tahun memerintah. Rakyat telah memilih kerajaan baharu iaitu kerajaan Pakatan Harapan. UMNO hanya memenangi 54 daripada 222 kerusi parlimen dengan hanya 51 ahli parlimen (turun daripada 89 pada PRU13), di mana UMNO telah kehilangan penguasaannya dalam Barisan Nasional. Satu-satunya cara untuk UMNO berubah menjadi lebih baik ialah mereka kalah dalam pilihan raya umum. Namun, pada awal kekalahan mereka, mereka nampaknya masih tidak berubah. Hal ini dilihat dari segi pemilihan presiden parti. Satu isyarat atau cara penting ke arah perubahan adalah dengan memilih pemimpin baharu yang kemudiannya menjadi presiden parti. UMNO tidak menganalisis atau mengambil iktibar dengan melihat kepada angka yang mewakili perubahan, contohnya, angka yang diketahui sekurang-kurangnya mempunyai beberapa idea progresif. Tetapi dalam pemilihan parti terbaru, yang diadakan sejurus selepas PRU ke-14, UMNO memilih Dato' Seri Dr. Zahid Hamidi sebagai presiden baharunya. Beliau bukan seorang yang progresif, malah, merupakan seorang yang sangat konservatif. Walaupun selepas pemilihannya, tidak banyak perubahan yang dibawanya di mana UMNO masih meneruskan gerak kerja parti dengan cara yang sama dan retorik semata-mata.

Namun, kesedaran belia dalam membawa perubahan atau meremajakan semula UMNO dilihat dengan wujudnya gerakan-gerakan pembaharuan seperti UMNOsiswa dan Barisan Nasional *Youth Volunteer* (BNYV), yang semangat dalam merejuvenasi parti. Kewujudan UMNOsiswa dilihat memberi kesan dengan mengorak langkah pertama mereka dalam siri pilihan raya kecil di Slim, Perak (PRK Dun Slim 2020). UMNOsiswa yang ditubuhkan di bawah sayap Pemuda UMNO Malaysia, sentiasa progresif dengan semangat perubahan dan pembaharuan yang ingin dibawa. Mereka telah membuat sistem pengkaderan di setiap universiti awam khususnya, dan memainkan peranan dalam membantu parti bagi memenangkan UMNO dalam siri-siri pilihan raya kecil dan juga pilihan raya negeri. Tujuan penubuhan UMNOsiswa adalah untuk mengubah atau meremajakan semula UMNO kembali kepada yang asal. UMNO yang lahir dari golongan muda yang berwawasan, beridealisme

nasionalis dan berkepimpinan. Penubuhan ini juga adalah disebabkan oleh kesilapan pimpinan yang telah lama meninggalkan bentuk pengkaderan begini, di mana mahasiswa yang dahagakan ruang dalam menyumbang dan berjuang akan kehilangan 'wisdom' dan idealisme mereka akan mati hanya kompleksnya budaya pemain politik UMNO. Majoriti mahasiswa memiliki ideologi yang masih kuat sebagai seorang nasionalis, namun, mereka mula berpaut pada parti-parti lain kerana tidak diberikan ruang oleh UMNO untuk memimpin secara bersama. Oleh yang demikian, perkara ini perlu diperbetulkan dan satu bentuk pengkaderan yang lebih dekat dengan mahasiswa dan dasar parti perlu segera dibina serta birokrasi yang menjauhkan mahasiswa kepada parti UMNO perlu dibuang. UMNO yang muda mesti membawa wajah pembudayaan baharu dan segar serta dibuktikan sehingga budaya kempen berhujah iaitu '*speaker corner*' kini menjadi budaya baharu UMNO di setiap siri pilihan raya. Dengan adanya pembaharuan ini, kini, seramai 17 orang daripada kalangan ahli UMNOsiswa telah diserap secara langsung menjadi sebahagian kepimpinan di bahagian cawangan mahupun pusat. Perkara ini merupakan satu kejayaan buat parti di dalam keadaan parti tertua ini dituduh, digambarkan sebagai parti yang tertutup, tua dan kompleks, kini ia menjadi bukti bahawa UMNO telah dan sedang diremajakan. Sebelum tertubuhnya UMNOsiswa, Exco Pergerakan Pemuda UMNO telah mengerakkan kempen merejuvenasi UMNO bagi membina kepercayaan parti dan akar umbi bahawa usaha itu adalah usaha bersama.

Selain itu, perubahan UMNO juga dapat dilihat menerusi Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka dan PRN Johor. Hal ini adalah kerana, menerusi PRN Melaka dan PRN Johor, UMNO telah memberi ruang kepada golongan muda dengan menawarkan dan menghantar calon-calon muda untuk memimpin tampuk kerajaan bagi mengangkat dan memperhebatkan suara golongan muda. Jaminan juga diberikan oleh calon-calon muda UMNO untuk bertungkus-lumus berkhidmat kepada rakyat hasil daripada sokongan rakyat negeri Melaka dan Johor. Pemilihan calon-calon muda UMNO ini jelas membuktikan bahawa UMNO serius dalam usaha meremajakan parti tersebut. Perkara ini juga didorong dengan kehendak rakyat yang mahukan calon muda yang berintegriti, amanah dan berwibawa. Menerusi PRN Melaka, menyaksikan keempat-empat calon Pemuda UMNO yang berusia 40 tahun ke bawah, berjaya memperoleh mandat daripada pengundi untuk bergelar wakil rakyat. Keputusan tersebut merupakan perkembangan baik sebagai persediaan untuk menghadapi PRU Ke-15 kelak. Pembaharuan dilakukan dengan mengambil kira kehendak rakyat yang mahukan calon yang tidak terpalit dengan perkara yang dikaitkan dengan kontroversi. Sementara itu, menerusi PRN Johor, golongan muda di Johor juga diberi peluang dalam PRN Johor oleh BN, di mana, dengan adanya Undi18 telah mengubah senario politik negara, lebih ramai orang muda wajar menjadi calon.

Kemelut antara individu yang dikatakan bakal mentadbir kerajaan Johor terjawab dengan perlantikan Datuk Onn Hafiz Ghazi sebagai Menteri Besar Johor ke-19. Pelantikan Datuk Onn Hafiz Ghazi sebagai Menteri Besar Johor ke-19 merupakan sebuah pengiktirafan tertinggi kepada orang muda apabila beliau diperkenankan Istana sebagai Menteri Besar Johor yang secara tidak langsung memberi nafas baharu kepada golongan muda. Namun, pengkaji merasakan bahawa masih terdapat golongan muda dalam UMNO khususnya yang tidak mengiktiraf perlantikan Datuk Onn Hafiz kerana terdapat campur tampur istana dalam melantik Menteri Besar Johor yang baharu. Iktibar yang pengkaji dapati menerusi kemelut pemilihan Menteri Besar Johor ini adalah sikap "berjiwa besar" yang dilakukan Datuk Seri Hasni Mohammad, mantan Menteri Besar Johor ke-18 (2020-2002). Pengorbanan Datuk Seri Hasni Mohammad yang juga merupakan Pengerusi Barisan Nasional (BN) Johor, dilihat dengan memberi ruang dan laluan kepada orang muda bagi memimpin Johor. Langkah tersebut bukan sahaja menunjukkan sikap keterbukaan dan jiwa negarawan belia, namun ia turut membuktikan keyakinan beliau akan peranan dan kemampuan orang muda dalam mengemudi Johor. Tema Kestabilan Masa Hadapan yang dibawa BN pada PRN Johor dilihat agak goyah berikutan

terdapat kemelut yang berlaku antara institusi Istana yang mahukan Datuk Onn Hafiz sebagai Menteri Besar manakala rakyat khususnya pengundi BN pula mahukan Datuk Seri Hasni Mohammad sebagai peneraju kerajaan Johor. Oleh itu, UMNO bukan sahaja hanya menampilkan calon yang umurnya muda semata-mata, namun calon yang ditawarkan adalah mereka yang sudah dipersiapkan sejak tiga tahun yang lepas atau sewaktu kekalahan UMNO pada PRU-14. Kesediaan UMNO dalam membariskan lebih ramai calon muda juga menampakkan kesediaan luar biasa UMNO dalam membawa kepada perubahan. Perkara ini juga dilakukan atas inisiatif ketua penerangan UMNO, Shahril Hamdan, yang turut dilantik sebagai Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO dalam usia yang muda.

UMNO adalah sebuah parti politik yang kompleks. Walaupun kebanyakan ciri atau ideologinya kekal konsisten, tidak kurang daripadanya ialah identiti perkauman/etnonasionalis yang telah berakar umbi, parti itu telah dan sedang mengalami perubahan. Sebahagian besar daripada perubahan ini terletak pada persimpangan antara batasan parti untuk menyesuaikan diri dengan perubahan masyarakat Malaysia dan ketidakupayaan untuk berkembang melangkaui krisis politik yang telah merosakkan UMNO secara dalaman dan hubungannya dengan masyarakat umum. UMNO mesti berubah dan perubahan memerlukan perancangan strategik dengan proses seperti penetapan halatuju, pengenalpastian isu-isu atau konflik dan penggubalan strategi untuk mencapai objektif parti yang disasarkan. Perancangan strategik yang perlu dilakukan UMNO juga adalah langkah pertama ke arah meremajakan parti. Perancangan haruslah memiliki proses yang kreatif, sederhana dan mudah yang akan mendatangkan faedah kepada parti dan akar umbi. Proses reformasi atau peremajaan perlu dilakukan agar transformasi dalaman UMNO relevan untuk setiap zaman. Di sini, pengkaji melihat apa yang dirujuk sebagai realiti politik baharu. Suasana politik hari ini berbeza dengan ketika UMNO lahir pada tahun 60-an, 70-an, atau 80-an, 90-an. UMNO yang dulu tidak sama seperti dalam persekitaran hari ini. Oleh itu, UMNO mesti disesuaikan dari segi pendekatan, metodologi dan dasar pembaharuan pada harini, tetapi UMNO masih perlu menjaga nilai asas yang sama. Prinsip dan matlamat perjuangan UMNO masih lagi sama namun peraturan, metodologi dan pendekatannya harus berubah.

PRU ke-14 telah menunjukkan bahawa Malaysia sememangnya boleh membawa perkara yang tidak dijangka. Pakatan Harapan (PH) mampu memenangi kuasa walaupun menghadapi halangan yang serius. Hal ini menimbulkan persoalan sama ada pertukaran kerajaan ini disebabkan hubungan UMNO kontemporari dengan legasi Dato' Sri Najib Tun Razak, iaitu kepimpinan yang lemah, politik pertahanan yang sempit, pergantungan pada naratif perkauman eksklusif, pelukan agama yang konservatisme, politik wang yang berakar umbi dan skandal yang serius, boleh memenangi kembali sokongan dan mendapatkan semula kuasa? Mana-mana pemacu perubahan dalam UMNO berkemungkinan, sekurang-kurangnya dalam jangka pendek dan sederhana. Selepas beberapa bulan mengalami kekalahan yang dahsyat, corak mendengar hanya kepada satu sama lain dan menafikan realiti telah diperkukuh. Momentum yang besar adalah untuk mempertahankan Dato' Sri Najib dan menjadikan beliau sebagai individu yang teraniayai atau kehilangan akses kepada sumber pembiayaan dan keselamatan kewangan mereka. Kemarahan yang dikongsi bersama terhadap PH, sikap antipati terhadap parti-parti yang menggulingkan UMNO daripada kuasa membutuhkan UMNO terhadap sebarang penilaian yang bermakna tentang tanggungjawab dan kelemahannya.

Hal ini bukan bermakna tidak ada langkah-langkah konstruktif yang boleh diambil oleh UMNO untuk mengukuhkan parti dan memperbaiki nasib politiknya. Secara dalaman, terdapat langkah-langkah penting. Pertama, UMNO perlu menghidupkan semula hubungan ke akar umbinya dengan memperkasakan ahli parti. Kekuatan perbandingan UMNO berbanding parti-parti dominan lain ialah ia kekal sebagai parti berasaskan kaum dengan lebih tiga juta ahli. UMNO juga mempunyai struktur institusi yang mantap. Walau bagaimanapun, untuk melakukan pembaharuan ini, UMNO perlu menggunakan insentif lain selain daripada wang

untuk penglibatan politik. Beralih kepada bentuk kemarahan dan perkauman mungkin sesuai, tetapi taktik ini akan mempunyai kos politik yang lebih luas. Walaupun ia akan merangsang asas ideologi perjuangan UMNO, pada masa yang sama, ia secara serius akan mengurangkan kemungkinan sokongan yang diperlukan daripada kaum bukan Melayu. Kaedah kedua yang boleh dilakukan ialah lupakan atau buang perspektif daripada mengikut pemimpin yang bermasalah atau terpalit dengan kes-kes makhamah, lalu membentuk kepimpinan baru yang kurang tercemar, untuk melibatkan diri dalam peremajaan parti. Polemik politik UMNO terkini menunjukkan bahawa pemimpin semasanya tidak dapat memisahkan diri mereka daripada Dato' Sri Najib khususnya dalam menghadapi skandal negara yang melemahkan. Pemilihan parti UMNO jelas menggambarkan bahawa parti itu dihalang oleh masa lalunya, tidak mahu berubah, dan dengan itu disekat dalam membangunkan bentuk baru legitimasi politik. Tanpa sumber untuk mengekalkan kesetiaan, tanpa wang tunai untuk memancing pengundi dan jentera, akan berlaku hakisan yang tidak dapat dielakkan dari dalam UMNO. UMNO akan menuju ke jalan buntu sekiranya masih tidak berubah. Pengkaji berpendapat bahawa terdapat penerimaan yang berbeza bagi individu yang "melihat" dan individu yang "memperjuangkan" peremajaan parti. Individu yang memperjuangkan peremajaan UMNO ini melihat bahawa mereka akan terus kekal berkuasa dengan jawatan dan wang yang ada. Namun, mereka tidak sedar bahawa sebenarnya mereka ini hanya menyusahkan atau menghalang UMNO kearah pembaharuan. Bagaimana UMNO ingat meremajakan parti jika makna di sebalik "peremajaan" masih lagi tidak difahami. Peremajaan semula UMNO perlu bermula daripada individu atau pimpinan tertinggi parti, maka barulah ia boleh diterima oleh akar umbi.

5. Rumusan dan Cadangan

Secara rumusan, bagi merealisasikan peremajaan UMNO baharu dan seterusnya, ia memerlukan penstrukturan dan percaturan semula serta rangka kerja baharu supaya perubahan sebenar boleh berlaku. Dua perubahan besar yang diperlukan ialah perubahan politik dan peremajaan institusi. Ia adalah mengenai mengubah budaya dan sistem. Hal ini bukan setakat mempunyai kerajaan atau pimpinan baharu yang mampu melakukan segala-galanya, namun, ia adalah mengenai meletakkan budaya dan sistem yang betul, supaya setiap ahli UMNO dari akar umbi dapat menilai dan menzahirkan potensi mereka sepenuhnya. Selain itu, ia adalah mengenai menjadikan demokrasi di Malaysia berfungsi. Jika, UMNO masih meneruskan bentuk politik lama, tiada apa yang akan berubah. Perubahan sebenar adalah mustahil. Inilah sebabnya mengapa politik baharu adalah relevan dan amat penting. Pembaharuan UMNO ialah perjuangan yang berasaskan rukun perjuangan seperti idealisme, aktivisme dan intelektualisme, namun masih mengekalkan ideologi parti mereka. Ia adalah proses holistik yang melibatkan pemikiran, menghayati dan melakukan politik yang lebih baik seperti politik yang bersih dan adil berdasarkan nilai-nilai yang bertujuan untuk membawa UMNO ke tahap yang lebih tinggi, tahap di mana demokrasi menjadi matang; memenuhi keperluan penduduk berbilang kaum dan sederhana. Kesimpulannya, UMNO perlu mengutamakan golongan muda dalam soal percaturan politik khususnya pada PRU yang akan datang. UMNO juga perlu memberi keutamaan dalam membersihkan nama parti daripada stigma dan persepsi buruk agar proses peremajaan semula UMNO dapat dilaksanakan.

Penghargaan

Penulisan kertas kerja ini sebahagian dibiayai oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2020/SS0/UKM/02/3), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Rujukan

- Ahmad Atory Hussain. (1993). *Dimensi Politik Melayu 1980-1990: Antara Kepentingan Dan Wawasan Bangsa*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan, Malaysia.
- Ahmad Fawzi Mohd Basri. (1992). *The United Malays National Organization (UMNO) 1981- 1991, A Study of The Mechanics of The Changing Political Culture*. Hull: University of Hull.
- Chandra Muzaffar. (1979). *Protector?: An Analysis of The Concept and Practice of Loyalty in Leader-Led Relationships Within Malay Society*. Penang: Aliran.
- Ilyas Abdullah, Jamaie Hamil & Sity Daud. (2018). *Politik Baru Pasca PRU Ke-10: Analisis Terhadap Transformasi Budaya Politik Melayu Terengganu*. Sains Insani, 03(1), 67-74.
- Ilyas Abdullah. (2021). *UMNO Perlu Berani Ubah Orientasi Politik*. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2021/04/810434/um-no-perlu-berani-ubah-orientasi-politik> [10 Jun 2022].
- Muhammad Takiyuddin Ismail. (2011). *Konservatisme dalam Politik UMNO*. Jurnal Jebat. Vol38 (1): 57-80.
- Muhammad Takiyuddin Ismail. (2012). *UMNO dan Konservatisme*. Dlm. Haris Zuan & Rizal Hamdan. Wajah Baru Politik Malaysia. Petaling Jaya: SIRD.
- Mohd Ashraf Mohd Azmi. (2016). *Pemuda UMNO Dan Golongan Muda Di Bawah Kepimpinan Khairy Jamaluddin*. Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Faiz Mohd Zain, Jamaie Jamil, Mohd Rizal Mohd Yaakob & Mohamad Rodzi Abd Razak. (2011). *Pengaruh Nasionalisme Melayu Mewarnai Budaya Politik Melayu Dalam UMNO*. Jurnal Melayu, 7, 193-216.
- Noor Sulastry Yurni Ahmad, Nor Azila Mohd Azidin. (2013). *Transisi Kontra Hegemoni Dalam Budaya Politik Malaysia*. Melayu, 120-137. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Susanne Lohmann. (2008). *"Rational Choice and Political Science,"*. The New Palgrave Dictionary of Economics, 2nd Edition.
- Teh Yik Koon. (2018). *From Bmf to IMDB: A Criminological and Sociological Discussion*. Petaling jaya: Strategic Information and Research Development Centre.